

PEMULIHAN AKHLAK DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA: KAJIAN DI BAITUL EHSAN DAN DAR ASSAADAH

(Moral Rehabilitation in Woman's Shelter: A Study at Baitul Ehsan
and Dar Assaadah)

¹ NURUL HUSNA MANSOR

² KHAIRUL HAMIMAH MOHAMMAD JODI

³ RAIHANAH ABDULLAH

¹ FAKHRUL ADABI ABDUL KADIR

¹ Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

² Fakulti Sains Gunaan, Open Universiti Malaysia, Jalan Tun Ismail, 50480, Kuala
Lumpur, Malaysia

³ Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Dalam konteks Malaysia, masyarakat kini sememangnya sedang bergelut dengan masalah keruntuhan akhlak yang begitu membimbangkan khususnya membabitkan golongan remaja, antaranya masalah kehamilan luar nikah. Hakikatnya, perbincangan mengenai topik akhlak telah mengisi hampir satu pertiga daripada kandungan al-Quran. Selain itu, matlamat Nabi Muhammad SAW diutuskan juga adalah untuk memperbaiki akhlak manusia. Bertitik tolak dari kesedaran pelbagai pihak terhadap keutamaan akhlak sebagaimana yang ditekankan oleh Islam, maka usaha-usaha pemulihan akhlak kini giat dijalankan. Pusat perlindungan wanita menjadi antara institusi penting yang diwujudkan secara khusus bagi menjalankan proses pemulihan akhlak remaja bermasalah, sebagai contoh pusat perlindungan wanita Baitul Ehsan (BES) dan Kompleks Dar Assaadah (KDS). Justeru, satu kajian dijalankan bagi melihat sejauh manakah kedua-dua pusat perlindungan ini komited dalam

menjalankan usaha-usaha pemulihan akhlak remaja bermasalah. Kajian kualitatif ini menggunakan beberapa teknik pengumpulan data iaitu dokumentasi, pemerhatian serta temu bual ke atas 6 orang kakitangan dari kedua-dua pusat perlindungan tersebut. Hasil kajian mendapati BES dan KDS memanfaatkan tempoh perlindungan pelatih dengan mewujudkan beberapa platform penting bagi tujuan pemulihan akhlak iaitu penganjuran kelas pemantapan ilmu agama dan kemahiran, pelaksanaan aktiviti berbentuk kerohanian dan ketahanan fizikal serta penguatkuasaan peraturan. Ringkasnya, kajian juga mendapati kesemua platform yang digunakan selari dengan konsep penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*) sebagaimana yang disarankan oleh Islam bagi tujuan memperbaiki akhlak manusia ke arah yang lebih baik.

Kata kunci: Pemulihan akhlak; *tazkiyat al-nafs*; pusat perlindungan wanita; Baitul Ehsan; Kompleks Dar Assaadah

ABSTRACT

*In Malaysia, the society is suffering with critical moral issues involving teenagers, some of it is unwed pregnancy. In reality, the discussion of moral aspects consumed one third in the content of Holy Quran. Other that, the objective of Prophet Muhammad's envoy is to repair people's moral. By the consciousness of everyone for moral importance as emphasized in Islam, so the efforts of moral rehabilitation is widely executed. Women shelter has become one of important institutions created specifically to run the process of rehabilitation of problematic teenagers such as women shelter Baitul Ehsan (BES) and Kompleks Dar Assaadah (KDS). Thus, a study has been done to investigate how far both these institutions being committed in rehabilitating problematic teenagers. This qualitative research used few techniques of data collection that is documentations, surveys and interviews to 6 staffs from both shelter homes. The results obtained showed BES and KDS benefit the protection period of the participants by creating few platforms for moral rehabilitations such as organizing religion stabilization class and skills, religious activities and physical defense along side with law enforcement. In simple words, research shows that all platforms used aligned with concept of soul cleanse (*tazkiyat al-nafs*) as recommended by Islam to repair human moral towards the better level.*

Keywords: Moral rehabilitation; *tazkiyat al-nafs*; women's shelter; Baitul Ehsan; Kompleks Dar Assaadah

PENGENALAN

Pusat perlindungan wanita merupakan institusi yang diwujudkan secara khusus bagi menjalankan usaha pemulihan akhlak. Sejarah penubuhan pusat perlindungan wanita di Malaysia bermula sejak 50 tahun yang lalu, manakala bagi pusat perlindungan wanita bukan kerajaan pula dikenal pasti wujud kira-kira 20 tahun yang lalu (Nor Jana Saim et al. 2013). Beberapa kajian lepas membuktikan bahawa pusat perlindungan wanita berperanan dalam menjalankan program pemulihan akhlak secara positif dan berkesan melalui pelbagai pendekatan sama ada menerusi kelas bimbingan agama (Khairul Hamimah Mohammad Jodi 2013), dakwah (Jawiah Dakir et al. 2009; Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan 2009), kelas konvensional serta bimbingan dan kaunseling (Azizi Yahaya et al. 2008). Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang mendedahkan pelatih yang sedang menjalani rawatan pemulihan akhlak berpotensi tinggi untuk mengulangi tingkah laku jenayah apabila dibebaskan kelak (Nazirah Hassan & Tuan Sharifah Diana Syed Ahmad 2013). Justeru, kajian ini dilakukan bagi menilai sejauh manakah pihak pusat perlindungan berperanan dalam memastikan usaha pemulihan akhlak berjalan secara berterusan seterusnya mengurangkan masalah keruntuhan akhlak dalam masyarakat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bertujuan untuk menganalisis sejauh manakah proses pemulihan akhlak dijalankan terhadap penghuni di Baitul Ehsan dan Kompleks Dar Assaadah. Pemilihan dua buah pusat perlindungan ini dibuat memandangkan ia dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri dari dua negeri yang berlainan iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MAIWP) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Justeru, bagi menjawab objektif kajian, beberapa kaedah digunakan seperti dokumentasi membabitkan bahan bertulis seperti modul, laporan tahunan, minit mesyuarat yang diperoleh daripada dua institusi tersebut. Selain itu, data juga dikumpul menggunakan kaedah pemerhatian ke atas beberapa program berkaitan. Seterusnya, temu bual secara bersemuka ke atas 6 orang informan yang terdiri daripada kakitangan dan tenaga pembimbing di BES dan KDS. Pemilihan informan dibuat menggunakan kaedah pensampelan bertujuan kerana kaedah ini membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang sahih dan mendalam daripada individu yang signifikan dan berautoriti sama ada di peringkat perancangan mahupun pelaksanaan rawatan pemulihan di pusat perlindungan.

PEMULIHAN AKHLAK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Akhlak Islam istimewa kerana mempunyai prinsip dan dasar yang jelas, iaitu bersumberkan wahyu Ilahi dan sesuai dengan fitrah manusia. Dasar akhlak Islam juga bersifat universal kerana perbincangannya menyentuh semua aspek kehidupan merangkumi ekonomi politik sosial, perundangan, pentadbiran dan pendidikan. Selain itu, dasar akhlak Islam juga menitikberatkan keseimbangan jasmani dan rohani serta kebaikan dunia akhirat sejajar dalam ruang lingkup keupayaan dan bersesuaian dengan tabiat manusia (Abdul Rahman Md. Aroff 1999).

Akhlak bererti tabiat, budi pekerti atau perlakuan yang diamalkan oleh manusia sama ada berbentuk baik ataupun buruk. Al-Ghazali (2010) mengklasifikasikan akhlak kepada dua keadaan iaitu akhlak terpuji sebagai gambaran keimanan, manakala akhlak yang buruk ialah sifat bagi orang munafik. Akhlak juga disifatkan sebagai fitrah, tabiat, agama atau ringkasnya adalah gambaran batin (Ibn Manzur t.th) atau keadaan jiwa yang mendorong seseorang untuk melakukan perbuatan secara spontan tanpa memerlukan pertimbangan dan pemikiran sama ada ia diwarisi sejak lahir dan diperoleh melalui latihan dan pembiasaan (Miskawaih t.th).

Kemerosotan akhlak dikatakan berpunca daripada ketidakseimbangan pada diri manusia antara aspek lahiriah dan batiniah, akal dan hati, ilmu dan akidah, hilang jati diri, lemah keyakinan dan putus harapan, pudarnya keyakinan terhadap agama dan Allah, akal menjadi cetek serta hati keras dari menerima kebenaran, agama, siasah, akal dan hatinya hanya berlegar di sekitar kebendaan dan hidup diselubungi kebekuan dan kepincangan (Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri 2007). Justeru, al-Ghazālī menengahkan suatu kaedah penting berhubung proses memperbaiki akhlak melalui proses penyucian jiwa yang dikenali sebagai *tazkiyat al-nafs*. Proses ini melibatkan dua proses iaitu, pertama pembuangan sifat-sifat tercela yang disebut sebagai *al-Takhalli* atau *mujāhadah al-nafs*. Manakala proses kedua ialah proses penghiasan, pemakaian dan mengisi unsur-unsur yang baik atau sifat-sifat mulia ke dalam jiwa yang diistilahkan sebagai *al-Tahalli* atau *riyādah al-nafs* (al-Ghazali 2010). Proses penyucian jiwa digambarkan sebagai keadaan hati yang baik dan bersih kerana hati mempengaruhi pembentukan akhlak individu (Sunan al-Dārimī, no. hadis 2419). Faktor persekitaran juga memainkan peranan penting mengubah akhlak dibantu dengan pengisian ilmu serta nilai-nilai yang baik. Terdapat beberapa bentuk pelaksanaan ibadah disarankan oleh Islam yang berupaya memperbaiki akhlak seperti solat, puasa, zikir dan membaca al-Quran.

Proses penyucian jiwa menuntut kepada komitmen dan kesungguhan yang tinggi serta perlu dilakukan secara berterusan (Rohana Hamzah 2010). Individu yang

sedang dalam proses memperbaiki akhlak perlu melalui aktiviti-aktiviti pembiasaan secara berulang untuk mengelakkan kelalaian hati (al-Ghazālī 2010).

USAHA PEMULIHAN AKHLAK DI BAITUL EHSAN DAN DAR ASSAADAH

Makalah ini menumpukan kepada usaha pemulihan akhlak Islam di dua buah pusat perlindungan wanita terpilih iaitu Baitul Ehsan (BES) dan Kompleks Dar Assaadah (KDS). Secara khususnya, BES ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di bawah peruntukan Seksyen 53 dan Seksyen 54 (2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor. Misi BES ialah memberikan perkhidmatan perlindungan, pemulihan, latihan, bimbingan, kaunseling, kemahiran bersepadu dan kemudahan latihan vokasional yang terbaik kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dengan gejala sosial. Manakala visi BES pula ialah menerapkan amalan-amalan murni bagi membentuk peribadi ummah yang *thiqah* dan solehah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah (Anon 2014).

Terdapat 3 kategori pelatih di BES. Pertama, pelatih kategori perintah mahkamah. Kedua, sukarela dan ketiga, kumpulan wanita yang diterima masuk disebabkan berbagai-bagai masalah seperti rumahtangga, keluarga dan lain-lain lagi. Tempoh perlindungan tidak melebihi 6 bulan dan bergantung kepada budi bicara bagi sebarang tempoh lanjutan (Mohd Makhi Adnan 2014).

Kompleks Dar Assaadah pada awal penubuhannya, diberi nama Kompleks Kebajikan Masyarakat Islam dan kemudian ditukar namanya kepada Dar Assaadah pada tahun 2001. Pada tahun 2007, segala pengurusannya diserahkan kepada Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Pada 4 Februari 2008, Dar Assaadah berpindah ke tempat baru iaitu di Kg. Delima, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur sehingga hari ini (Anon 2011a).

Sasaran pelatih Kompleks Dar Assaadah terbahagi kepada tiga kategori iaitu 1. Wanita berumur 18 tahun hingga 35 tahun yang bermasalah yang memerlukan bimbingan kerohanian. 2. Wanita, isteri, janda/balu yang berumur 18 tahun hingga 55 tahun yang menghadapi masalah tempat tinggal dan kesempitan hidup dan 3. Saudara baru wanita berumur 18 hingga 55 tahun yang memerlukan perlindungan tempat tinggal serta bimbingan kerohanian. Pelatih diwajibkan menghadiri program rawatan dan pemulihan di sini selama dua tahun. Sepanjang tempoh tersebut, Kompleks ini memberi pendidikan berbentuk akademik dan kemahiran untuk memperkasa akhlak pelatih ini (Aspalela Hassan 2011). Jadual 1 merupakan gambaran ringkas mengenai usaha pemulihan akhlak yang dijalankan oleh kedua-dua pusat perlindungan wanita:

JADUAL 1 Pemulihan Akhlak di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah

Platform	Baitul Ehsan	Dar Assaadah
Penguasaan Ilmu Agama dan kemahiran	<ul style="list-style-type: none"> ● Subjek akidah ● Subjek ibadah ● Subjek adab ● Subjek fiqh wanita ● Subjek jawi, tajwid, iqra' ● Pertanian ● Jahitan ● Kraf tangan ● Masakan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kelas akidah ● Kelas ibadah ● Kelas akhlak ● Kelas hafazan ● Jahitan ● Kraftangan ● Masakan
Pelaksanaan Ibadah	<ul style="list-style-type: none"> ● Solat fardu ● Puasa ● Kuliah subuh ● Bacaan al-Ma'thurat ● Solat Sunat Dhuha ● Tazkirah zuhur ● Slot Penawar hati ● Kuliah maghrib ● Zikir ● Doa harian ● Halaqah sentuhan qalbu ● Sambutan hari kebesaran Islam ● Qiamullail 	<ul style="list-style-type: none"> ● Solat fardu ● Puasa ● Zikir pagi ● Kuliah maghrib ● Muhasabah diri ● Qiamullail ● Doa harian ● Sambutan hari kebesaran Islam
Penguatkuasaan peraturan	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemakaian ● Pergaulan ● Kawalan sosial 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemakaian ● Pergaulan ● Kawalan sosial
Aktiviti lain	<ul style="list-style-type: none"> ● Riadah ● Gotong-royong ● Kawad 	<ul style="list-style-type: none"> ● Riadah ● Gotong-royong ● Kawad

Sumber: Modul Transformasi Ehsan, Baitul Ehsan, 2014; Silibus Kompleks Dar Assaadah, 2011.

Berdasarkan Jadual 1, proses pemulihan akhlak yang berteraskan kepada proses *tazkiyat al-nafs* dijalankan oleh kedua-dua pusat perlindungan ini melalui beberapa platform yang diwujudkan iaitu penguasaan ilmu agama dan kemahiran, pelaksanaan ibadah, penguatkuasaan peraturan dan beberapa aktiviti berbentuk fizikal. Dari aspek penguasaan ilmu agama, pelatih di BES dan KDS diwajibkan mempelajari beberapa

subjek seperti akidah, ibadah/fiqh, sirah dan adab/akhlak, iqra', tajwid, jawi dan al-Quran (Modul Transformasi Ehsan BES 2014; Anon 2011b; Norhafizah Tohalus 2011; Kaminur Nasir 2014).

Selain mengikuti kelas pengajian ilmu agama, BES dan KDS turut menjalankan kelas kemahiran seperti jahitan, masakan, kraftangan dan keusahawanan. Aktiviti pertandingan memasak, kraftangan dan menjahit diadakan untuk mengasah bakat dan menilai tahap penguasaan mereka terhadap kemahiran yang pelajari (Modul Transformasi Ehsan BES 2014; Anon 2011b).

Seterusnya, kedua-dua institusi ini turut memberi penekanan terhadap kegiatan berbentuk kerohanian dan keagamaan seperti pelaksanaan solat lima waktu, zikir pagi, muhasabah diri, kuliah subuh dan kuliah Maghrib, qiamullail serta sambutan hari kebesaran Islam (Nor Afniza Kahpi 2014; Faezah Abdullah 2011).

BES dan KDS juga memberikan tumpuan terhadap usaha pemulihan akhlak melalui penguatkuasaan peraturan sepanjang pelatih mendapatkan perlindungan. Antaranya berpakaian sopan dan menutup aurat, larangan menggunakan telefon atau peralatan komunikasi serta kawalan keluar masuk penghuni dari pusat perlindungan (Aspalela Hassan 2011).

BES dan KDS turut menganjurkan aktiviti penjagaan kesihatan serta pembangunan sendiri seperti senamrobik, gotong-royong dan kawad kaki. Ini bersesuaian dengan pepatah Arab yang bermaksud 'akal yang cerdas datang dari tubuh yang cergas' (Mohd Makhi Adnan 2014; Aspalela Hassan 2011).

HASIL DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa proses pemulihan akhlak di pusat perlindungan wanita dijalankan melalui penekanan terhadap aspek penguasaan ilmu pengetahuan seperti pembelajaran kelas agama dan kelas kemahiran, pelaksanaan ibadah, penguatkuasaan peraturan serta pelaksanaan beberapa aktiviti fizikal yang lain.

Secara khususnya, kelas pengajian agama yang mengandungi beberapa subjek penting bukan sekadar menambah ilmu pengetahuan pelatih bahkan membantu ke arah pemulihan akhlak mulia. Menerusi pembelajaran subjek akidah, pelatih dapat memahami, menghayati kandungan rukun iman dan Islam yang mampu memantapkan keyakinan kepada Allah SWT. Kekuatan iman dan akidah mendidik jiwa pelatih menghindari maksiat seperti mencuri dan berzina (al-Bukhari, no. hadis 5578).

Dalam konteks Islam, kadar keimanan manusia digambarkan sentiasa dalam keadaan bertambah dan berkurang. Atas faktor tersebut, usaha meningkatkan iman begitu digalakkan (al-‘Asqalāni t.th).

Khairul Hamimah (2004) dalam kajiannya mendapati tahap kekuatan akidah mempunyai hubungan yang rapat dengan perubahan akhlak. Justeru, pendedahan kelas akidah kepada pelatih merupakan langkah efektif dalam pembentukan akhlak mulia dalam kalangan pelatih.

Pemulihan akhlak melalui pengajaran subjek akhlak/adab pula membolehkan pelatih mengenali konsep akhlak Islam secara lebih mendalam. Melalui pembelajaran akhlak, pelatih mampu membezakan akhlak mahmudah dan mazmumah. Justeru amalan-amalan terpuji yang diterapkan kepada pelatih diharap membantu mereka membentuk peribadi mulia yang secara tidak langsung menjadi benteng daripada melakukan perbuatan yang tidak bermoral. Topik yang dipelajari seperti adab dalam kehidupan seharian, ciri-ciri akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah (Modul Transformasi Ehsan BES 2014; Anon 2011b) mendidik pelatih mengamalkan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian.

Melalui kelas adab, pelatih telah dididik dan dibentuk supaya terus konsisten apabila keluar dari pusat perlindungan ini. Pendidikan akhlak yang berterusan mampu membentuk jati diri pelatih. Ini kerana sistem pengajaran akhlak yang lengkap dan teratur mampu menghasilkan individu yang berpengetahuan tinggi dan dapat menjaga jati diri mereka sebagai seorang muslimah sejati (Abdul Hafiz Mat Tuah et al. 2012).

Pendidikan akhlak mulia turut dicerna menerusi pembelajaran subjek sirah. Topik ini mengisahkan kehidupan awal Rasulullah SAW sehinggalah kewafatan Baginda. Tujuan didedahkan kisah Baginda agar pelatih mencontohi akhlak mulia baginda yang berjuang menyebarkan agama Islam tanpa jemu dan terus berusaha walaupun berhadapan dengan pelbagai rintangan. Pengajian sirah juga mampu menyemai rasa cinta, kasih dan hormat kepada Rasulullah SAW sebagai *qudwah hasanah*. Realitinya, apabila pelatih telah dibebaskan, mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran, melalui pembelajaran sirah, akhlak dan kecekanan Nabi Muhammad dijadikan iktibar dalam kehidupan. Ringkasnya pelatih bukan sahaja mengetahui perjalanan hidup Rasulullah SAW dan para sahabat, bahkan menghayati nilai-nilai akhlak Islam dalam kehidupan.

Pemulihan akhlak ditekankan melalui pembelajaran subjek ibadah/fiqh. Kefahaman yang jelas mengenai konsep ibadah dalam Islam dalam bentuk amali melalui kehidupan seharian. Melalui kelas fiqh wanita, pelatih didedahkan secara

khusus adab seorang wanita Muslim, pengurusan diri serta keutamaan memelihara kehormatan diri. Justeru, pembelajaran subjek ini membantu memantapkan kefahaman pelatih mengenai perkara-perkara asas yang wajib diketahui dalam agama seterusnya meningkatkan kesedaran mengenai perbuatan yang bakal mendapat ganjaran pahala dan dosa. Selain beberapa subjek di atas, kelas pengajian lain seperti jawi, iqra', tajwid dan hafazan membantu pelatih mengenal huruf, memperbaiki bacaan al-Quran seterusnya mengetahui suruhan dan larangan yang terkandung dalam al-Quran. Ini membantu mereka memperkukuhkan kefahaman perintah dan larangan Allah, sekali gus membentuk peribadi Muslim yang taat dan takutkan Allah. Objektif lain kelas ini untuk memastikan pelatih dapat membaca al-Quran dengan mengikut hukum tajwid serta menjadikan bacaan al-Quran sebagai amalan harian. Menguasai bacaan al-Quran dengan baik akan menjamin bacaan solatnya. Ini secara tidak langsung membantu pelatih lebih yakin dan menjadi pemangkin kepada mereka untuk menunaikan solat sunat untuk lebih mendekati diri kepada Allah SWT.

Jelasnya, penekanan terhadap pementapan ilmu fardu ain membantu pelatih lebih mendalami hal ehwal agama. Melalui ilmu tersebut membolehkan mereka berfikir dengan matang dan membezakan perkara/perkataan baik dan buruk. Kajian Fauziah et al. (2012) mendapati bahawa semakin tinggi pengetahuan agama, semakin rendah kecenderungan remaja untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral.

Keprihatinan pihak BES dan KDS dalam menyuburkan budaya menuntut ilmu dilihat melalui kewujudan pusat sumber (Pemerhatian di BES 2014; Pemerhatian di KDS 2011) yang dilengkapi dengan kepelbagaian bahan bacaan untuk memupuk minat pelatih meneroka ilmu pengetahuan. Secara tidak langsung menutup ruang mereka dari terjebak dengan bahan bacaan yang merosakkan minda.

Kelas kemahiran jahitan, masakan, kraf tangan serta pertanian yang dijalankan berupaya memberikan pelatih kepakaran dan nilai tambah pada diri. Kelas kemahiran bukan sahaja mengasah bakat pelatih, malah menjadikan mereka lebih yakin dengan potensi diri sekali gus mengisi masa lapang dengan kegiatan berfaedah. Berbekalkan kemahiran yang ada, mereka mampu mencari rezeki secara halal. Dayana Farzeeha Ali et al. (2010) mendapati program kemahiran vokasional yang dijalankan di pusat perlindungan telah memberi peluang kepada pelatih untuk mendapatkan ilmu serta kemahiran yang berkaitan untuk digunakan selepas tamat tempoh penahanan. Kelas kemahiran juga mendidik nilai disiplin kepada pelatih melalui pengendalian peralatan jahitan dan kaedah menjahit (Silibus Dar Assaadah). Ini kerana tidak semua pelatih pandai menjahit dan mengetahui fungsi peralatan jahitan (Faiezah Abdullah 2011).

Selain menumpukan kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran, kajian mendapati proses pemulihan akhlak di BES dan KDS diterapkan secara tidak

langsung menerusi pelaksanaan pelbagai pengisian bercorak kerohanian dalam bentuk rutin. Contohnya, jadual harian bermula dengan qiamullail disusuli zikir, seterusnya solat fardu lima waktu, bacaan ma'thurat, slot pengukuhan solat, kelas Tahsin al-Quran, tazkirah Zuhur, slot penawar bagi hati, zikir dan doa harian, kuliah Maghrib, halaqah sentuhan qalbu serta usrah (Modul Transformasi Ehsan BES 2014; Silibus Dar Assadah 2011).

Aktiviti ibadah yang diikuti berupaya membantu pelatih membudayakan nilai-nilai ajaran Islam dalam kehidupan serta lebih dekat dengan Allah. Hikmah dari pelaksanaan ibadah turut memberikan kesan positif terhadap pembentukan akhlak atau peribadi pelatih seperti disiplin, keikhlasan, ketekunan dan konsisten. Amalan-amalan ini hakikatnya merupakan proses penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*) yang menjadi proses penting dalam pemulihan akhlak (al-Shams 91: 7-10).

Penguatkuasaan peraturan daripada aspek pakaian, pergaulan dan kawalan sosial yang diberikan menjadikan pelatih bersungguh-sungguh berkelakuan baik agar tidak dihukum. Begitu juga peraturan larangan menggunakan telefon bimbit dan internet sepanjang tempoh pemulihan akan membantu pelatih membebaskan diri dari sikap penyalahgunaan teknologi.

Akhirnya, kajian mendapati aktiviti lain seperti pertanian, gotong-royong, kawad dan riadah yang dijalankan di BES dan KDS juga menjadi salah satu platform yang berperanan penting dalam proses pemulihan akhlak pelatih. Aktiviti sebegini bukan sahaja berupaya membentuk kesedaran pelatih terhadap penjagaan kebersihan persekitaran tempat tinggal dan alam sekitar, malah mendidik sikap kerjasama, menyuntik semangat pengurusan kerja secara lebih sistematik serta lebih produktif. Ini bersesuaian dengan pepatah arab yang mengatakan 'akal yang sihat datang daripada tubuh badan yang sihat'. Aktiviti riadah dan sukan membantu pelatih merehatkan minda, bahkan aktiviti seperti ini mendidik pelatih supaya memanfaatkan masa dengan lebih baik serta dapat menghindarkan diri daripada membuang masa di samping mendidik mereka lebih komited kepada perubahan yang positif. Begitu juga aktiviti berkawad akan membentuk akhlak mulia seperti ketekunan, disiplin serta fokus dalam menjalankan tanggungjawab.

Kajian mendapati bahawa lokasi pusat perlindungan yang menempatkan pelatih di suatu tempat yang terpisah dari kesibukan secara tidak langsung membantu pemulihan akhlak pelatih menjadi lebih baik. Titik permulaan pembentukan individu bermula dengan mengubah keadaan sekelilingnya dari percampuran dengan kawan-kawan yang tidak bermoral (Abdullah Nasih 'Ulwan 2012). Justeru, dalam konteks kajian ini, pengasingan pelatih yang diletakkan di suatu tempat yang jauh

dari persekitaran sosial yang begitu mencabar membantu pelatih supaya jauh dari lingkungan yang tidak baik (Muslim, no. hadis 4967).

Berdasarkan perbincangan di atas, setiap platform yang dimanfaatkan oleh BES dan KDS dalam pemulihan akhlak pelatih dapat dikatakan sejajar dengan konsep penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*) sebagaimana yang diketengahkan oleh Islam bagi tujuan yang sama. Hal ini kerana, setiap aktiviti yang dijalankan dilihat turut menjurus kepada proses pembersihan sifat tercela seterusnya pengisian semula nilai-nilai yang baik dalam diri pelatih. Lebih-lebih lagi ia berlangsung secara berulang-ulang dalam satu tempoh yang ditetapkan serta melibatkan komitmen dan sokongan yang tidak berbelah bagi dari pihak pusat perlindungan sendiri sama ada dari aspek perhatian, tenaga dan juga sokongan moral.

KESIMPULAN

Baitul Ehsan dan Kompleks Dar Assaadah dilihat bukan sahaja menyediakan perlindungan dari fizikal, malah berperanan secara aktif dalam usaha pemulihan akhlak penghuninya. Proses pemulihan akhlak telah dijalankan dengan memanfaatkan pelbagai platform yang diwujudkan iaitu kelas pengajian agama dan kemahiran, pelaksanaan pengisian yang bercorak kerohanian dan ibadah, menggerakkan pelbagai aktiviti lain berbentuk ketahanan fizikal serta menguatkuasakan peraturan di pusat perlindungan sebagai panduan. Kelas pengajian agama membantu pelatih memantapkan pengetahuan berhubung aspek fardu ain dan fardu kifayah sebagai panduan hidup. Manakala kelas kemahiran pula membantu pelatih mempersiapkan diri dengan pelbagai kebolehan yang menjadi nilai tambah dalam diri mereka untuk diaplikasikan dalam kehidupan. Penglibatan pelatih dengan pelbagai aktiviti bercorak kerohanian membantu pelatih menjadi hamba Allah yang lebih bertanggungjawab. Penguatkuasaan peraturan juga mendorong pelatih untuk lebih berdisiplin, disokong pelbagai kegiatan riadah juga berpotensi membangunkan nilai-nilai yang baik seperti berdisiplin, bekerjasama dan mempunyai perancangan yang sistematik.

Secara keseluruhan, kesemua platform yang diwujudkan membuktikan bahawa BES dan KDS bukan sahaja berusaha menyediakan persekitaran yang baik bagi menyokong proses perubahan akhlak pelatih malah setiap usaha yang dijalankan membantu pelatih ke arah proses penyucian jiwa yang merupakan saranan penting yang dikemukakan oleh ilmuwan Islam. Pada masa yang sama, lokasi kedua-dua pusat perlindungan yang dibina terasing dari kesibukan dan kebisingan kota juga turut membantu pelatih untuk lebih tenang dan fokus pada semua pengisian tanpa gangguan. Peranan pusat perlindungan seperti KDS dan BES masih signifikan dalam membantu remaja bermasalah agar kembali menjadi individu yang memiliki keseimbangan dari aspek pembangunan diri aspek jasmani dan rohani. Justeru,

kerjasama dan sokongan pelbagai pihak secara konsisten dalam apa jua bentuk sama ada moral atau material diperlukan supaya pusat perlindungan pada hari ini dapat berfungsi dengan baik dari semasa ke semasa sehingga akhirnya masalah keruntuhan akhlak dapat dikurangkan ke tahap yang lebih membanggakan.

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. 2012. Memperkasakan jati diri melayu Muslim menerusi pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 23-35.
- Abdullah Nasih Ulwan. 2012. *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*. Jilid 2. Singapura: Pustaka Nasional Ptd. Ltd.
- Abdul Rahman Md. Aroff. 1999. *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- al-‘Asqalāni, Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Hajar. t.t. *Faṭḥ al-Bāri bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Abd Allāh Ibn Bāz, Juz 1. Beirut: Dār al-Ma’rifat.
- Anon. 2011a. Pamflet Dar Assaadah. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Anon. 2011b. Silibus Dar Assaadah-Kelas Kemahiran (Jahitan). Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Anon. 2014. Pamflet Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. 2014. Selangor: Unit Ar-Riqab Majlis Agama Islam Selangor.
- Aspalela Hassan. 2011. Modul Pemulihan Kompleks Dar Assaadah. Temu bual, 03 Oktober.
- Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2007. Penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah masa kini. *Jurnal YADIM* (9): 16-32.
- Azizi Yahaya, Yow Kiaw Geok & Amir Hamzah Abdul. 2008. *Keberkesanan Program Pemulihan Akhlak di Sekolah Henry Gurney Tunas Bakti*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Bukhari, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah. 2000. *Mawsuat al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Dayana Farzeeha Ali, Muhammad Khair Noordin, Ahmad Nabil Md. Nasir, Nura’in Baharin & Mohd. Safarin Nordin. 2010. Program Latihan Kemahiran Vokasional Terhadap

- Pelatih-Pelatih Lelaki Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka. Kertas kerja Seminar Pendidikan Teknik & Vokasional kali ke 3TVE09. Anjuran Fakulti Pendidikan dan Sekolah Pendidikan Profesional & Pendidikan Berterusan, Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor, 9-10 Disember.
- al-Darimi, ‘Abd-Allah Ibn ‘Abd al-Rahman Ibn al-Fadhl Ibn Bahram Ibn ‘Abd al-Samad. 2000. *Mawsuat al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*. Riyad: Dar al-Salam.
- Faezah Abdullah. 2011. Kelas Jahitan Kompleks Dar Assaadah. Temu bual, 05 Mei.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd. Suhaimi Mohamad, Noremy Md. Akhir & Salina Nen. 2012. Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 84-93.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 2010. *Ihya ‘ulum al-Din*. Jil. 1. Terj. Ali Muhammad Mustafa & Sa’id al-Muhasini. Damshiq: Dar al-Fayha.
- Ibn Manzur. t.th. *Lisan al-‘Arab*. Kaherah: Dar al-Ma’arif.
- Jawiah Dakir, Siti Rugayah Tibek & Adawiyah Ismail. 2009. Bimbingan agama dan metodologi dakwah di institusi pemulihan: Kajian kes di Penjara Wanita Kajang, Selangor. *Jurnal ILIM* (Institut Latihan Islam Malaysia) 2: 9-20.
- Kaminur Nasir. 2014. Pelaksanaan Modul Agama Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. Temu bual, 26 Ogos.
- Khairul Hamimah Mohd. Jodi. 2013. Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Modul Pembangunan Wanita Bermasalah di Malaysia: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tesis PhD. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. 2004. Masalah Akhlak di Kalangan Pelajar IPTS dan Hubungannya dengan Akidah. Satu Kajian di Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) Kuala Lumpur. Disertasi Sarjana. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan. 2009. Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar: Satu kajian kes. *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 1(2): 1-14.
- Miskawaih, Abu Ali Ahmad Ibn Muhammad. t.th. *Tahdzib al-Akhlaq wa Tathhir al-A’raq* Beirut: Mansyurat Dar Maktabah al-Hayat.

Mohd. Makhi Adnan. 2014. Pelaksanaan Modul Agama Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. Temu bual, 26 Ogos.

Modul Transformasi Ehsan 1957. 2014. Selangor: Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan.

Muslim, al-Imām al-Ḥāfīz Abi al-Husayn Muslim Ibn al-Hajāj al-Naysābūrī. 2000. *Mawsuat al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*. Rīyaḍ: Dar al-Salam

Nor Afniza Kahpi. 2014. Pendaftaran Pelatih Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. Temu bual, 25 Ogos.

Nazirah Hassan & Tuan Sharifah Diana Syed Ahmad. 2013. Psikopati dan residivisme dalam kalangan pelatih lelaki di sebuah institusi pemulihan akhlak remaja. *Journal of Psychology & Human Development*: 1-11.

Norhafizah Tohalus. 2011. Modul Pembelajaran Agama tahap 1, 2 dan 3, Dar Assaadah. Temu bual, 05 Mei.

Nor Jana Saim, Mona Dufaker, Malin Eriksson & Mehdi Ghazinour. 2013. Listen to the Voices of Unwed Teenage Mothers in Malaysian Shelter Homes: An Explorative Study. *Global Journal of Health Science* 5(5): 20-30.

Pemerhatian di Kompleks Dar Assaadah. 2011. 3-10 Mei.

Pemerhatian di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. 2014 25-28 Ogos.

Rohana Hamzah. 2010. *Mengenal Manusi: Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Skudai: Penerbit UTM Press.